



Strategi RPH

BAB 5 Aplikasi Teknologi 5.2 Reka Bentuk Fesyen

»» Panduan RPH

Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.2 Reka Bentuk Fesyen	5.2.1 Mentakrifkan reka bentuk fesyen 5.2.2 Menyenaraikan jenis reka bentuk fesyen 5.2.3 Mengenal pasti teknik cantuman dan penggunaan alatan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen <small>Buku Teks m.s 134 – 141</small>	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3 Soalan 4	TP 1	78 – 79
BBM	PAK-21	KBAT		
Buku teks, kertas sebak, pen penanda, beberapa naskhah majalah lama	<i>Mapping notes</i>	Mengaplikasi		
EMK	i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar	Peta buih, peta pokok, peta dakap	Bekerjasama		

»» Cadangan PDPC

1. Guru menerangkan kepada murid tentang takrif dan jenis reka bentuk fesyen serta teknik cantuman dan alatan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen.
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan diberikan sehelai kertas sebak, beberapa pen penanda dan beberapa naskhah majalah.
3. Setiap kumpulan perlu menghasilkan nota dalam bentuk peta yang menarik dan kreatif di atas kertas sebak yang telah diberikan.
4. Nota tersebut perlu mengandungi definisi reka bentuk fesyen, jenis reka bentuk fesyen, teknik cantuman dan penggunaan alatan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen.
5. Setelah selesai, setiap kumpulan secara bergilir-gilir perlu membentangkan hasil kerja mereka di hadapan kelas.
6. Pada akhir pembentangan, murid perlu sepakat untuk memilih satu *mapping notes* yang terbaik untuk ditampal di belakang kelas.
7. Murid menjawab Soalan 1 – 4 dalam buku PBD Plus RBT halaman 78 – 79.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- mentakrifkan reka bentuk fesyen
- menyenaraikan jenis reka bentuk fesyen
- mengenal pasti teknik cantuman dan penggunaan alatan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen
- menerangkan satu jenis perkakasan dan penggunaannya dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen
- mengenal pasti alatan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen

»» Panduan RPH

Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.2 Reka Bentuk Fesyen	5.2.3 Mengenal pasti teknik cantuman dan penggunaan alatan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen 5.2.4 Menghasilkan dua lakaran reka bentuk fesyen <small>Buku Teks m.s 137 – 143</small>	Soalan 5 Soalan 6 Soalan 7 Soalan 8	TP 2	80 – 81
BBM	PAK-21	KBAT		
Buku teks, kertas sebak, pen penanda	<i>Round Table</i>	Mencipta		
EMK	i-THINK	Nilai Murni		
Bahasa	–	Bekerjasama		

»» Cadangan PDPC

1. Guru menerangkan kepada murid tentang proses penyediaan reka bentuk fesyen dan penghasilan dua lakaran reka bentuk fesyen.
2. Guru membahagikan kelas kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan dibekalkan dengan sehelai kertas sebak berserta penanda.
3. Setiap kumpulan perlu menghasilkan dua lakaran reka bentuk fesyen, iaitu satu pakaian dan satu lagi aksesori.
4. Berdasarkan lakaran tersebut, murid perlu menyenaraikan teknik cantuman yang boleh digunakan dan alatan yang akan digunakan bagi menghasilkan reka bentuk tersebut.
5. Setiap ahli kumpulan secara bergilir-gilir perlu membuat dua set peta buih bagi setiap lakaran.
6. Kemudian, hasil tersebut perlu dibentangkan di hadapan kelas.
7. Guru dan murid lain akan memberikan ulasan dan pandangan terhadap pembentangan tersebut.
8. Murid menjawab Soalan 5 – 8 dalam buku PBD Plus RBT halaman 80 – 81.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- mengenal pasti teknik cantuman dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen
- mengenal pasti alatan dan fungsinya dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen
- menerangkan fungsi alatan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen
- merangka satu lakaran reka bentuk fesyen dengan mengaplikasikan elemen garisan, bentuk, dan warna

»» Panduan RPH

Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.2	Reka Bentuk Fesyen	5.2.4	Menghasilkan dua lakaran reka bentuk fesyen	Soalan 9 Soalan 10	TP 3	82 – 83
		<small>Buku Teks m.s 142 – 143</small>				
BBM		PAK-21		KBAT		
Kertas lukisan dan pensel		<i>Think-Pair-Share</i>		Mencipta		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kreativiti dan inovasi		–		Bekerjasama		

»» Cadangan PDPC

1. Guru menerangkan dan menunjukkan contoh lakaran 2D dan lakaran 3D reka bentuk fesyen.
2. Setiap murid akan dibekalkan dengan sehelai kertas lukisan.
3. Setiap murid perlu menghasilkan produk reka bentuk fesyen dalam bentuk 2D dan 3D mengikut kreativiti masing-masing.
4. Murid secara berpasangan perlu berbincang mengenai lakaran yang dihasilkan mereka sebelum ini dan memilih salah satu lakaran yang menarik untuk dikongsikan bersama rakan sekelas.
5. Hasil lakaran yang dipilih akan dikongsi di hadapan kelas secara bergilir-gilir.
6. Guru dan murid lain akan memberikan komen dan ucapan terhadap hasil lakaran itu.
7. Murid menjawab Soalan 9 – 10 dalam buku PBD Plus RBT halaman 82 – 83.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- menghasilkan lakaran reka bentuk fesyen dalam bentuk 2D dan 3D

»» Panduan RPH

Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.2	Reka Bentuk Fesyen	5.2.5	Menganalisis elemen dalam reka bentuk fesyen	Soalan 11	TP 4	84
		<small>Buku Teks m.s 144 – 150</small>				
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, gambar pelbagai reka bentuk fesyen dari pelbagai sumber, kertas A4		<i>Same-Different</i>		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kreativiti dan inovasi		–		Berdikari, bekerjasama		

»» Cadangan PDPC

1. Guru akan menerangkan tentang elemen reka bentuk dalam fesyen kepada murid.
2. Kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli.
3. Setiap kumpulan akan menerima dua helai kertas A4 dan dua gambar reka bentuk fesyen.
4. Dalam setiap kumpulan, dua orang murid perlu menyenaraikan persamaan elemen reka bentuk fesyen yang ada pada gambar yang diterima dan dua orang lagi menyenaraikan perbezaan elemen reka bentuk fesyen tersebut.
5. Kemudian, setiap kumpulan akan membentangkan hasil yang diperolehi di hadapan kelas secara bergilir-gilir.
6. Murid menjawab Soalan 11 dalam buku PBD Plus RBT halaman 84.

»» **Kriteria Kejayaan**

Murid berjaya:

- menganalisis elemen dalam reka bentuk fesyen dengan menyediakan borang soal selidik, kenal pasti responden, serta mengedar dan mengutip borang soal selidik / mencatat maklumat
- mempersembahkan data dalam bentuk jadual

»» **Panduan RPH**

Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.2 Reka Bentuk Fesyen	5.2.6 Membincangkan jenis bahan dalam reka bentuk fesyen berdasarkan lakaran 5.2.7 Menghasilkan reka bentuk fesyen berdasarkan lakaran yang dipilih	Soalan 12	TP 5	85 – 87
		Soalan 13		
		Soalan 14		
BBM	PAK-21	KBAT		
Buku teks, gambar lakaran beberapa produk dan kertas A4	Perbincangan	Menganalisis		
EMK	i-THINK	Nilai Murni		
Bahasa	–	Bekerjasama		

»» **Cadangan PDPC**

1. Guru menerangkan jenis bahan dalam reka bentuk fesyen berdasarkan lakaran serta cara penghasilan lakaran reka bentuk fesyen.
2. Kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan akan menerima sekeping gambar lakaran baharu reka bentuk fertigasi bersama sekeping kertas A4.
3. Dalam kumpulan, murid perlu berbincang dan menilai lakaran produk tersebut.
4. Analisis lakaran perlu dicatatkan dalam kertas A4.
5. Murid menjawab Soalan 12 – 14 dalam buku PBD Plus RBT halaman 85 – 87.

»» **Kriteria Kejayaan**

Murid berjaya:

- membincangkan jenis bahan dalam reka bentuk fesyen berdasarkan lakaran
- membuat rumusan secara menyeluruh dari segi lakaran, elemen, bahan, dan teknik cantuman

»» **Panduan RPH**

Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
5.2 Reka Bentuk Fesyen	5.2.7 Menghasilkan reka bentuk fesyen berdasarkan lakaran yang dipilih	Soalan 15	TP 6	88
BBM	PAK-21	KBAT		
Kain, jarum, benang, kertas, pensel dan bahan kitar semula yang boleh digunakan	<i>Problem based Learning</i>	Mengaplikasi, mencipta		
EMK	i-THINK	Nilai Murni		
Kreativiti dan inovasi, kelestarian alam sekitar	–	Bekerjasama		

»» **Cadangan PDPC**

1. Guru menerangkan kepada murid cara menghasilkan reka bentuk fesyen berdasarkan lakaran yang dipilih.
2. Guru membahagikan kelas kepada beberapa kumpulan.
3. Guru menyediakan satu situasi agar murid menghasilkan sebuah reka bentuk fesyen.

Contoh situasi: “Anda sebagai pereka fesyen ingin memasuki pertandingan fesyen ‘**Mencipta pakaian daripada bahan-bahan kitar semula**’. Anda perlu menghasilkan pakaian bagi si pemakai yang mempunyai bentuk badan tiga segi serta berkulit gelap. Rekaan anda haruslah selamat dipakai dan menarik.

4. Setiap kumpulan perlu menghasilkan lakaran pakaian berdasarkan situasi tersebut.
5. Setiap kumpulan akan menghasilkan model reka bentuk yang dilakar dengan menggunakan ukuran saiz badan rakan anda.
6. Kemudian setiap kumpulan akan menguji model tersebut di hadapan kelas secara bergilir-gilir.
7. Guru dan murid lain akan memberikan ulasan serta pandangan tentang model yang dibina.
8. Murid menjawab Soalan 15 dalam buku PBD Plus RBT halaman 88.

»» **Kriteria Kejayaan**

Murid berjaya:

- menghasilkan reka bentuk fesyen berdasarkan lakaran yang dipilih
- menghasilkan reka bentuk fesyen dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran sedia ada